



MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

20 November 2015

PANDANGAN RINGKAS MSWG MENGENAI TRANSAKSI KORPORAT SEMASA

LION DIVERSIFIED HOLDINGS BERHAD ("LDHB")

Lembaga Pengarah Syarikat mengumumkan anak syarikat milik penuh Syarikat yang berikut gagal membuat pembayaran:

- (i) Excel Step Investments Limited ("Excel") pada 18 November 2015, menerima notis daripada pemegang amanah bon boleh tukar yang diterbitkan oleh Excel memberitahu bahawa telah berlaku keingkaran kerana Excel tidak dapat membayar sebahagian penebusan berjumlah ASD4 juta yang berkaitan dengan ASD39,680,000 nilai nominal 6% bon boleh tukar yang tertunggak;
- (ii) Pada tarikh berikut, Graimpi Sdn Bhd ("Graimpi") menerima notis tuntutan ("NOD") kerana tidak membayar jumlah tertunggak yang perlu dibayar di bawah Surat Kemudahan Kredit-i Murabahah ("MLF"):
 - (a) NOD diterima pada 9 November 2015 bagi jumlah tertunggak yang perlu dibayar pada 23 Oktober 2015 dan 29 Oktober 2015, masing-masing berjumlah RM1,554,974.36 dan RM4,578,725.29; dan
 - (b) NOD diterima pada 11 November 2015 bagi jumlah tertunggak yang perlu dibayar pada 3 November 2015 sebanyak RM2,520,000.Graimpi juga tidak akan dapat membuat pembayaran yang sepatutnya di bawah satu lagi jumlah tertunggak sebanyak RM2.6 juta yang perlu dibayar pada 20 November 2015 di bawah MLF.
- (iii) Pada 31 Oktober 2015, Lion DRI Sdn Bhd telah ingkar dalam pembayaran berjumlah RM7,300,000 berhubung dengan kemudahan modal kerja.

[Sumber: Pengumuman LDHB di laman web Bursa Malaysia pada 19 November 2015]

KOMEN MSWG:

Juruaudit LDHB, Ernst & Young membuat kenyataan yang betul dalam Laporan Tahunan terkini 2015 iaitu ketidakpastian material boleh menimbulkan keraguan signifikan mengenai kumpulan LDHB dan kemampuan syarikat untuk terus beroperasi sebagai usaha berterusan. Tiga anak syarikat LDHB gagal membuat pembayaran pinjaman mereka dan ini boleh mewujudkan kesan rantaian yang menyebabkan pemberi pinjaman boleh meminta bayaran balik pinjaman lain serta-merta dan

dengan itu memburukkan lagi kedudukan kewangan kumpulan LDHB. Apakah langkah dan rancangan penyusunan semula yang diambil oleh pihak pengurusan untuk membayar balik sepenuhnya pembiayaan kumpulan dan membiayai keperluan operasi, sekaligus membuat penyusunan semula hutang? Pemegang saham pasti ingin mengetahui perkara ini dalam AGM yang akan datang pada 24 November 2015.

MALAYSIAN RESOURCES CORPORATION BERHAD (“MRCB”)

MRCB mengumumkan bahawa syarikat telah pada 18 November 2015, mengemukakan permohonan kepada Bursa Malaysia berkenaan penyenaraian dan sebut harga untuk sehingga 493,610,683 saham MRCB yang akan diterbitkan selaras dengan cadangan penempatan persendirian di Pasaran Utama Bursa Malaysia.

[Sumber: Pengumuman MRCB di laman web Bursa Malaysia pada 16 November 2015]

KOMEN MSWG:

Para pemegang saham terganggu oleh fakta yang MRCB terpaksa membuat penempatan persendirian dan bukannya terbitan hak untuk meraih dana. Kami mendapati pemegang saham utama MRCB iaitu Gapurna Sdn Bhd telah menawarkan untuk mengambil sehingga 120,000,000 saham penempatan, mewakili peratusan daripada 24.3% sehingga 33.6% daripada jumlah jumlah penempatan saham.

Mengapa MRCB tidak membuat terbitan hak kerana ia dilihat lebih adil kepada semua pemegang saham dan tidak akan mencairkan pegangan saham mana-mana segmen pemegang saham melainkan pemegang saham itu sendiri memilih untuk tidak melanggar terbitan hak tersebut? Penempatan persendirian akan manafikan peluang semua pemegang saham untuk turut sama menyertai ekuiti MRCB dan mungkin boleh menidakkan hak pemegang saham lain.

REDTONE INTERNATIONAL BERHAD (“RIB”)

RIB mengumumkan keputusan AGM ke-13. Semua resolusi telah diluluskan oleh pemegang saham melalui pengundian secara poll, kecuali Resolusi Biasa 1-Bayaran Dividen Akhir yang tidak diluluskan melalui pengundian secara mengangkat tangan.

[Sumber: Pengumuman RIB di laman web Bursa Malaysia pada 19 November 2015]

KOMEN MSWG:

Kami hairan mengapa pemegang saham RIB menolak resolusi berhubung dengan cadangan pembayaran dividen akhir sebanyak RM0.002 sesaham, yang mewakili 10% daripada jumlah keuntungan selepas cukai dalam tahun kewangan berakhir 2015. Memandangkan Resolusi Biasa 1 tidak diluluskan melalui pengundian secara mengangkat tangan, kami percaya mungkin terdapat beberapa sentimen negatif pemegang saham ke atas dividen akhir yang dicadangkan oleh Lembaga Pengarah yang kelihatan lebih rendah daripada pembayaran dividen tahun sebelumnya sebanyak RM0.011 sesaham.

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat, lyarahman@mswg.org.my

Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my

Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat cheemeng@mswg.org.my
Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat, kinwing@mswg.org.my
Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat linnert.hoo@mswg.org.my
Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat khalidah@mswg.org.my
Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat vinodth.ram@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini kecuali bagi Redtone International Berhad.*
-

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke mswg.ceo@mswg.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggar sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.